BULETIN

FAKULTI PERAKAUNAN
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN

EDISI II 2026



HUBUNGI KAMI :

fpnuitmn9s3

https://encr.pw/FakultiPerakaunanS3

Projek CGCT Berasaskan Penilaian Meningkatkan Pemahaman Pelajar

Norshida Hashim[1], Azhani Almuddin[2], Mashitah Nordin[3] dan Syahirah Almuddin[4]
[1,4] Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah
[2] Universiti Teknologi MARA Shah Alam
[3] Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau

Kursus Bahasa Ketiga merupakan kursus yang wajib diambil oleh semua pelajar UiTM pada semester yang telah ditetapkan berdasarkan pelan pengajian setiap fakulti. Setiap pelajar perlu menghabiskan 3 semester untuk mempelajari kursus bahasa ketiga yang mempunyai 3 tahap (Tahap I, tahap II dan Tahap III). Oleh kerana kursus Bahasa Arab TAC501 merupakan tahap yang tertinggi, kemerosotan pencapaian kursus ini sering menjadi topik perbincangan dalam kalangan pensyarah yang mengajar dan secara tidak langsung memberi impak yang besar kepada pencapaian keseluruhan pelajar.

Selain itu, latihan yang terkandung di dalam buku teks bagi kod kursus TAC501 Bahasa Arab Permulaan (Tahap III) sudah tidak lagi selari dengan format ujian terkini. Seiring dengan peredaran masa, perubahan bentuk format ujian telah melalui pelbagai penambahbaikan dan pengubahsuaian. Walau bagaimanapun, buku teks yang digunakan masih merupakan edisi yang sama. Namun begitu, latihan-latihan yang terdapat di dalam buku teks tidak dapat diabaikan sepenuhnya kerana item ujian masih diadaptasi berdasarkan kosakata yang terkandung dalam bahagian latihan tersebut.


Oleh yang demikian, kumpulan CGCT ini memutuskan untuk memilih Model 3 (Kolaborasi Penilaian Pentaksiran) bagi projek *Collaborative Group: Collaborative Teaching* (CGCT) bagi sesi Oktober 2025. Pelaksanaan projek ini merupakan inisiatif untuk membantu peningkatan pencapaian pelajar. Projek ini telah berlangsung sepanjang Semester Oktober-Februari 2026.

Projek ini telah berkolaborasi dengan rakan industri yang dilantik sebagai penilai dari Darul Quran JAKIM, manakala kumpulan CGCT ini terdiri daripada pensyarah Akademi Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah dan Rembau serta UiTM Shah Alam.

Pembentukan soalan dibina menggunakan soalan latihan yang terdapat dalam setiap topik di dalam buku teks TAC501. Soalan-soalan tersebut diolah mengikut format ujian bertulis semasa. Fokus pembentukan soalan adalah tertumpu kepada bentuk soalan subjektif tanpa melibatkan soalan objektif.

Soalan ini digunakan sebagai latih tubi di dalam kelas. Setiap pelajar dipilih secara rawak untuk menjawab di dalam kelas secara dalam talian atau kelas secara bersemuka. Hal ini bagi memastikan pelajar benar-benar menguasai soalan yang diberikan dan dapat menjawab dengan tepat. Pensyarah akan memberikan komen serta maklum balas terhadap jawapan yang diberikan oleh pelajar bagi memastikan jawapan dijawab mengikut kehendak rubrik ujian sebenar.


Secara keseluruhannya, para pelajar yang mengikuti kursus TAC501 di Kampus Kuala Pilah, Seremban, Rembau dan Shah Alam telah memperoleh manfaat yang signifikan melalui latihan tambahan yang disediakan. Para pelajar menunjukkan minat dan persaingan yang tinggi apabila menawarkan diri untuk menjawab soalan di hadapan kelas secara sukarela. Mereka juga dapat menguasai strategi menjawab soalan subjektif dengan lebih tepat, sekali gus meningkatkan tahap kefahaman mereka terhadap setiap topik yang dipelajari.



Gambar 1: Sesi latihan semasa kelas di atas talian



Gambar 2: Aktiviti latihan di dalam kelas



Gambar 3: Sesi menjawab latihan di dalam kelas

Rujukan

Sarinab Ariffin @ Eduny, Saifulazry Mokhtar, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, & Syamsul Azizul Marinsah. (2024). Pendekatan kaedah latih tubi dalam kemahiran menulis jawi murid tahun empat di Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak, Sandakan. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC), 7*(45). Retrieved from https://gaexcellence.com/ijepc/article/view/3427